

Pengaruh Revolusi Nasional Indonesia Terhadap Kesedaran Nasionalisme Di Tanah Melayu: Antara Tindakan Masyarakat dan Perspektif British, 1948-1957

The Influence of the Indonesian National Revolution on the Awareness of Nationalism in Malaya: Between Community Actions and the British Perspective, 1948-1957

Muhammad Naim Fakhirin Rezani*

Pusat Pengajian Kenegaraan dan Keusawanan,
Fakulti Pengajian Umum dan Pendidikan Lanjutan, Universiti Sultan Zainal Abidin,
21300, Kuala Terengganu, Terengganu, Malaysia

*Corresponding author e-mail: naim_fakhirin@yahoo.com

Diterima: 22 Mei 2025; **Disemak semula:** 05 Okt. 2025 **Diterima:** 03 Nov. 2025; **Diterbitkan:** 19 Dis. 2025

To cite this article (APA): Rezani, M. N. F. (2025). Pengaruh Revolusi Nasional Indonesia Terhadap Kesedaran Nasionalisme Di Tanah Melayu: Antara Tindakan Masyarakat dan Perspektif British, 1948-1957. *Perspektif Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 17(2), 135-147. <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol17.2.11.2025>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol17.2.11.2025>

Abstrak

Perkembangan nasionalisme yang berlaku pasca pendudukan Jepun pada 1945 memperlihatkan masyarakat tempatan mula berminat untuk terlibat secara langsung dalam politik negara. Kesedaran nasionalisme ini semakin meluas setelah negara serumpun, Indonesia memperoleh kemerdekaan melalui Revolusi Nasional Indonesia (RNI) yang berlaku di seluruh negara tersebut. Berdasarkan kepada perkembangan tersebut, situasi yang berlaku di Indonesia turut mempengaruhi tindakan masyarakat di Tanah Melayu. Justeru, desakan terhadap kemerdekaan Tanah Melayu semakin menebal dalam kalangan masyarakat tempatan. Tindakan masyarakat tempatan dalam menuntut kemerdekaan ini merangkumi pelbagai aspek, terutamanya setelah digerakkan oleh pelbagai lapisan masyarakat. Perkembangan kesedaran nasionalisme di Tanah Melayu seterusnya menjadi ancaman terhadap British sehingga menyebabkan kuasa kolonial tersebut mula menyusun tindakan bagi mengawal kesedaran nasionalisme dalam kalangan masyarakat Melayu. Kajian ini menggunakan sumber primer yang diperoleh dari The National Archive of United Kingdom seperti rekod dari *Foreign Office*, *Foreign Commonwealth Office*, *Colonial Office* dan *War Office*. Selain itu, kajian ini turut menggunakan akhbar yang diterbitkan pada 1940-an dan 1950-an bagi mendapatkan kesinambungan dengan sumber primer tersebut. Dapatan kajian ini merumuskan RNI yang berlaku di Indonesia telah mempengaruhi kesedaran masyarakat di Tanah Melayu untuk mendapatkan kemerdekaan dari British. Pengaruh ini dapat dilihat pada tindakan yang dilakukan oleh pejuang kemerdekaan di Tanah Melayu. Selain itu, dapatan kajian ini turut memperincikan tindakan yang dilakukan oleh British bagi mengawal kesedaran nasionalisme yang berlaku di Tanah Melayu supaya tidak berlaku konflik berdarah seperti yang berlaku di Indonesia.

Kata Kunci: Revolusi, Politik, Nasionalisme, Tanah Melayu, Indonesia

Abstract

The development of nationalism that occurred after the Japanese occupation in 1945 showed that the local community began to be interested in being directly involved in national politics. This awareness of nationalism became more widespread after the allied country, Indonesia, gained independence through the Indonesian National Revolution (RNI) that occurred throughout the country. Based on these developments, the situation that occurred in Indonesia also influenced the actions of the community in Malaya. Thus, the insistence on the independence of Malaya was increasingly thickening among the local community. The actions of the local community in demanding independence encompassed various aspects, especially after being mobilized by various levels of society. The development of nationalism awareness in Malaya subsequently became a threat to the British, causing the colonial power to begin to organize actions to control the awareness of nationalism among

the Malay community. This study uses primary sources obtained from the National Archive of United Kingdom such as records from the Foreign Office, Foreign Commonwealth Office, Colonial Office and War Office. In addition, this study also uses newspapers published in the 1940s and 1950s to obtain continuity with these primary sources. The findings of this study conclude that the RNI that occurred in Indonesia has influenced the awareness of the community in Malaya to gain independence from the British. This influence can be seen in the actions taken by independence fighters in Malaya. In addition, the findings of this study also detail the actions taken by the British to control the awareness of nationalism that occurred in Malaya so that there would not be a bloody conflict like what happened in Indonesia.

Keywords: *Revolution, Politic, Nasionalism, Tanah Melayu, Indonesia*

PENGENALAN

Pendudukan Jepun di Asia Tenggara semasa Perang Dunia Kedua (1941–1945) menandakan satu titik perubahan besar dalam sejarah politik dan sosial rantau ini. Sebelum perang, kebanyakan negara di Asia Tenggara berada di bawah penjajahan kuasa Barat seperti Britain, Belanda, Perancis dan Amerika Syarikat. Namun begitu, kejatuhan kuasa-kuasa kolonial kepada Jepun dalam masa singkat memecahkan mitos ‘ketuanan Barat’ dan membuka ruang kepada kebangkitan nasionalisme dalam kalangan penduduk tempatan, terutamanya di Indonesia dan Tanah Melayu (Kingston, 2017).

Walaupun Jepun merupakan kuasa penjajah baharu, namun mereka menyedari pentingnya meraih sokongan rakyat tempatan. Oleh itu, pentadbiran Jepun membuka ruang kepada pemimpin tempatan untuk terlibat dalam pentadbiran (CO 537/7294, 27 February 1951). Di Indonesia, Sukarno dan Mohammad Hatta mendapat kepercayaan Jepun dan diberikan peluang untuk menyampaikan idea kebangsaan melalui organisasi seperti Pusat Tenaga Rakyat (PUTERA) dan Jawa Hokokai (Huff, 2020). Begitu juga di Tanah Melayu, pentadbiran Jepun menggalakkan penyertaan masyarakat Melayu dalam organisasi seperti *Giyu Gun* (Tentera Sukarela) dan Pembela Tanah Air (PETA). Walaupun penyertaan masyarakat dan pemimpin politik tempatan atas kepentingan Jepun, namun situasi tersebut berjaya memberikan pengalaman awal kepada mereka, terutamanya melalui penglibatan dalam aspek organisasi, pentadbiran dan ketenteraan (CO 537/7294, 13 April 1951).

Perkara ini menyebabkan semangat untuk mentadbir tanah air sendiri pasca pendudukan Jepun semakin menebal dalam kalangan pemimpin politik tempatan. Keadaan ini secara tidak langsung menyebabkan berlakunya beberapa tindakan yang dianggap oleh penjajah Barat iaitu British dan Belanda sebagai tindakan radikal (CO 537/4785, 23 January 1949). Antara tindakan tersebut adalah Revolusi Sosial yang berlaku di Indonesia pada 1946. Gerakan ini merupakan tindakan terbesar yang berlaku di Asia Tenggara dan menyebabkan Belanda terpaksa menyerah kalah. Tindakan ini secara tidak langsung membolehkan Indonesia mendapat kemerdekaan lebih awal berbanding negara jiran seperti Tanah Melayu dan Filipina. Kesannya, tindakan ini turut mempengaruhi politik masyarakat tempatan di Tanah Melayu. Pengaruh ini dapat dilihat melalui tindakan terhadap penyatuan masyarakat Melayu secara besar-besaran sehingga membawa kepada penubuhan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (*United Malays National Organization/UMNO*) (CO 537/4785, 19 Mac 1949). Ekoran dari tindakan tersebut, British mula berasa kedudukan mereka terancam. Perkara ini secara tidak langsung menyebabkan British memberi perhatian khusus terhadap kebangkitan nasionalisme yang berlaku di Tanah Melayu.

Kajian ini merangkumi tiga objektif utama yang saling berkait dalam memahami dinamika hubungan antara perkembangan politik di Indonesia dan Tanah Melayu pada era pasca Perang Dunia Kedua. Pertama, kajian ini bertujuan untuk menganalisis pengaruh Revolusi Nasional Indonesia (RNI) terhadap pembentukan kesedaran nasionalisme dalam kalangan masyarakat di Tanah Melayu antara tahun 1945 hingga 1957. Kedua, ia meneliti tindakan masyarakat serta parti-parti politik di Tanah Melayu, sama ada berhaluan kiri mahupun konservatif, dalam memperjuangkan kemerdekaan berdasarkan perkembangan politik yang berlaku di Indonesia. Ketiga, kajian ini menganalisis langkah dan strategi yang diambil oleh pihak British dalam mengawal kebangkitan nasionalisme di Tanah Melayu agar tidak mencetuskan konflik bersenjata seperti yang berlaku di Indonesia.

KAJIAN LITERATUR

Sungguhpun terdapat banyak kajian yang dilakukan oleh sarjana terdahulu mengenai politik dan kebangkitan nasionalisme di Tanah Melayu pasca Perang Dunia Kedua, namun kajian tersebut hanya membincangkan mengenai situasi yang berlaku dalam tempoh tersebut secara umum. Perkara ini menyebabkan penulisan semangat nasionalisme melalui pengaruh situasi yang berlaku di Indonesia tidak diperincikan kajian yang dilakukan. Antara kajian tersebut adalah Lees (2017) membincangkan mengenai implikasi pemerintahan kolonial British di Tanah Melayu pada 1786-1941. Antara kesan yang dinyatakan adalah hubungan politik dan interaksi komuniti tempatan yang berpecah kepada pelbagai kumpulan. Antaranya adalah kumpulan bangsawan Melayu, pemimpin Cina, pekerja estet, pertubuhan antarabangsa dan masyarakat awam. Perpecahan ini seterusnya menyebabkan gerakan nasionalisme di Tanah Melayu sukar untuk berkembang kerana berpecah mengikut kumpulan tersebut. Walaupun begitu, kajian ini tidak memperincikan faktor kebangkitan semangat nasionalisme tersebut, terutamanya melalui pengaruh dari luar seperti Indonesia.

Selain itu, kajian oleh Kahin (2018) membincangkan perkembangan gerakan nasionalis Indonesia sejak awal abad ke-20 hingga kemerdekaan. Kajian ini memberi penekanan terhadap gerakan yang dilakukan oleh golongan elit politik seperti Sukarno dan Hatta. Walaupun konteks perbincangan lebih tertumpu kepada peristiwa penting yang berlaku di Indonesia seperti Proklamasi Kemerdekaan (1945), Perjanjian Linggarjati dan Renville, namun kajian ini tidak memperincikan Revolusi Nasional yang berlaku di Indonesia pada 1945, sedangkan revolusi ini merupakan signifikasi yang jelas terhadap kemerdekaan yang dicapai negara tersebut pada 1945.

Kajian oleh Fogg (2020) membincangkan mengenai kebangkitan nasionalisme di Indonesia melalui tindakan revolusi yang dilakukan oleh pertubuhan Islam seperti Nahdlatul Ulama dan Muhammadiyah. Pertubuhan ini memainkan peranan aktif dalam perjuangan bagi menyebarkan ideologi. Perkara ini secara tidak langsung menunjukkan agama Islam digunakan sebagai sumber motivasi, struktur organisasi dan simbol moral dalam perjuangan melawan penjajah Belanda. Walau bagaimanapun, kajian ini tidak memperincikan perjuangan nasionalisme yang digerakkan oleh pertubuhan Islam tersebut berjaya mempengaruhi perjuangan yang dilakukan oleh masyarakat di Tanah Melayu dalam usaha menentang British.

Dapatan kajian Naoki Soda (2020) ini membincangkan mengenai pentadbiran kolonial British di Tanah Melayu yang memainkan peranan penting dalam membentuk identiti Melayu pada awal abad ke-20. Kajian ini menyatakan tindakan British membentuk pelbagai dasar dan kawalan terhadap politik tempatan menyebabkan gerakan nasionalisme di Tanah Melayu perlahan berbanding dengan negara jiran seperti Indonesia, Thailand dan Filipina. Namun begitu, kajian ini tidak memperincikan pengaruh yang berlaku terhadap nasionalisme dalam kalangan masyarakat Melayu, terutamanya gerakan politik yang dibawa dari Indonesia.

Kajian Sahul Hamid Mohamed Maiddin (2023) memperincikan mengenai politik Indonesia dengan memberi tumpuan terhadap strategi Presiden Sukarno menggunakan propaganda dan indoktrinasi politik untuk mengukuhkan kuasa dalam era Demokrasi Terpimpin (1959–1965). Melalui kawalan terhadap media, pidato awam dan pendidikan ideologi, Sukarno membentuk kultus personaliti dan hegemoni ideologi yang menekankan nasionalisme serta anti-imperialisme. Secara keseluruhan, kajian ini memperluas pemahaman tentang politik komunikasi dan pembentukan legitimasi ideologi dalam sejarah politik Indonesia, melengkapi analisis institusi yang dikemukakan oleh sarjana terdahulu seperti Feith dan Lev. Walaupun begitu, kajian ini tidak membincangkan kesan yang berlaku, terutamanya implikasi terhadap politik di Tanah Melayu.

Kajian Abdillah Noh (2024) yang membincangkan dasar yang ditentukan oleh British di Tanah Melayu berdasarkan kepada kerangka dari United Kingdom (UK) dan pentadbiran British di India. Dasar tersebut mencorakkan struktur politik dan nasionalisme yang eksklusif berasaskan kaum di Tanah Melayu. Walaupun begitu, perkara ini dibincangkan secara umum dan tidak memperincikan pengaruh nasionalisme Indonesia yang diberi perhatian khusus oleh masyarakat Melayu di negara ini pada penghujung 1940-an.

Selain itu, kajian oleh Armand Azra (2024) membincangkan perjuangan gerakan kiri di Tanah Melayu. Kajian ini menyatakan perjuangan yang dilakukan oleh golongan kiri seperti Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM), Angkatan Pemuda Insaf (API) dan Angkatan Wanita Sedar (AWAS) dipinggirkan dan disekat oleh penindasan politik yang dilakukan oleh pentadbiran British di Tanah

Melayu. Walaupun begitu, kajian ini hanya membincangkan bentuk perjuangan politik golongan kiri ini secara umum, sekali gus menyebabkan pengaruh dari nasionalis Indonesia terhadap politik tempatan pada 1940-an hingga 1950-an tidak diperincikan.

Kajian Milner dan Wong (2024) membincangkan hubungan antara historiografi kolonial dan pembentukan identiti kebangsaan di Malaysia. Kajian ini menyatakan perbincangan sejarah Malaysia, terutamanya perkara yang melibatkan politik dan nasionalisme perlu dilakukan dengan lebih menyeluruh dan inklusif supaya dapat mengiktiraf pelbagai lapisan masyarakat dan pengalaman sejarah. Walaupun begitu, kajian ini tidak membincangkan naratif perkembangan politik dan nasionalisme dengan lebih terperinci. Perkara ini menyebabkan pengaruh gerakan nasionalisme dari Indonesia terhadap politik di Tanah Melayu pada peringkat awal tidak dibincangkan dalam kajian ini.

Dapatan kajian oleh Muhammad Asad Latif (2024) mengkaji hubungan antara agama Islam dan politik di Malaysia sejak awal kemerdekaan pada 1957 hingga 2023. Perbincangan kajian melibatkan hubungan dinamik antara kedua-dua elemen ini menjadi faktor yang menentukan perubahan tersebut. Kajian ini turut membincangkan implikasi elemen agama Islam terhadap kestabilan politik di Tanah Melayu pada 1950-an. Namun begitu, konteks perbincangan terlalu umum sehingga menyebabkan bahagian yang penting terhadap nasionalisme di Tanah Melayu tidak diperincikan. Misalnya pengaruh politik dari Indonesia terhadap perkembangan nasionalisme di Tanah Melayu tidak diperincikan sedangkan naratif ini yang menentukan tahap perkembangan nasionalisme di Tanah Melayu.

Berdasarkan kepada kajian yang dilakukan oleh sarjana terdahulu, rata-rata membincangkan mengenai nasionalisme yang berlaku di Tanah Melayu secara umum. Kajian terdahulu tidak memperincikan pengaruh Revolusi Nasional Indonesia (RNI) terhadap gerakan politik dan nasionalisme yang berlaku dalam kalangan masyarakat tempatan di Tanah Melayu sama ada dalam bentuk ideologi mahupun tindakan. Justeru, kajian yang akan dilakukan ini akan memperincikan pengaruh dari RNI terhadap perkembangan politik dan nasionalisme di Tanah Melayu pada tempoh 1945-1957.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian yang dilakukan berkenaan pengaruh RNI pada 1945 terhadap kesedaran politik di Tanah Melayu serta perspektif British dilakukan menggunakan kaedah kualitatif melalui penganalisis terhadap sumber primer, iaitu dokumen rasmi yang belum diolah seperti laporan dan dokumen rasmi dari *the National Archive of the United Kingdom* dan Arkib Negara Malaysia seperti *Colonial Office* (CO) dan *Foreign Office* (FO) sebagai sumber utama untuk kajian. Kesemua dokumen yang dinyatakan tersebut dianalisis secara tematik seperti yang dicadangkan oleh Ranke (2010). Kaedah tersebut bersesuaian untuk kajian yang melibatkan politik pilihan raya semasa dibawah penjajahan British. Kaedah analisis dokumen ini melibatkan dua peringkat iaitu mengenal pasti dokumen yang relevan dengan kajian dan membandingkan dokumen tersebut untuk memastikan data yang kukuh. Misalnya penggunaan dokumen *Colonial Office* dan *Foreign Office* dipilih kerana kedua-dua dokumen ini mengandungi minit mesyuarat dan catatan mengenai dasar dan tindakan British terhadap gerakan politik masyarakat Melayu dalam tempoh 1948-1959. Penggunaan sumber primer tersebut penting sebagai bukti utama yang memperincikan laporan British terhadap perkembangan politik di Tanah Melayu, terutamanya perkara yang melibatkan isu kebangkitan nasionalisme dalam tempoh 1940-an dan 1950-an. Selain itu, kajian ini menggunakan akhbar yang diterbitkan dalam tempoh tersebut seperti *Utusan Melayu*, *Warta Malaya* dan *Malaya Tribune* bagi mendapatkan kesinambungan dengan dokumen rasmi yang diperoleh tersebut. Kajian yang dilakukan ini turut membuat perbandingan dengan sumber sekunder seperti buku dan makalah dari sarjana terdahulu supaya perbincangan yang dilakukan dapat memberi perspektif baharu untuk kajian yang dilakukan.

DAPATAN KAJIAN

Latar Belakang Revolusi Sosial Indonesia 1946

Kekalahan Jepun dalam Perang Dunia Kedua (1942-1945) mencetuskan kekosongan kuasa di Indonesia. Dalam tempoh tersebut, pemimpin nasionalis Indonesia mengambil peluang untuk mengisytiharkan kemerdekaan pada 17 Ogos 1945 (Doolan, 2021). Namun begitu, kemerdekaan ini tidak diiktiraf oleh Belanda yang berhasrat untuk kembali menjajah Indonesia. Penentangan masyarakat tempatan terhadap Belanda menjadi pencetus utama kepada konflik bersenjata antara Indonesia dan Belanda, yang dikenali sebagai Revolusi Nasional (Bemmelen, 2017). RNI merupakan satu peristiwa penting dalam sejarah Asia Tenggara, yang memperlihatkan bagaimana rakyat Indonesia bangkit menentang penjajahan dan mempertahankan kemerdekaan selepas pengisytiharaan Proklamasi Kemerdekaan pada 17 Ogos 1945 oleh Sukarno. Revolusi ini bukan sekadar perjuangan fizikal menentang Belanda, tetapi mencerminkan semangat nasionalisme yang telah lama terpendam (Bemmelen, 2017). Terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan berlakunya revolusi ini. Antara faktor tersebut adalah pengalaman penjajahan Belanda dan kesedaran nasionalisme.

Penjajahan Belanda yang berlangsung selama lebih tiga abad, bermula dari 1602-1942 meninggalkan kesan mendalam terhadap masyarakat tempatan di Indonesia. Sepanjang tempoh tersebut, kekayaan alam Indonesia dieksploitasi untuk kepentingan ekonomi Belanda, manakala rakyat tempatan hidup dalam kemiskinan dan penindasan (Yamamoto, 2019). Dalam tempoh tersebut, pentadbiran Belanda melaksanakan pelbagai dasar yang mengerah masyarakat tempatan seperti pelaksanaan Sistem Tanaman Paksa. (Yamamoto, 2019). Dasar tersebut dilakukan untuk kepentingan Belanda dan bukan sosioekonomi masyarakat tempatan. Justeru, perkara ini menjadi faktor yang membebankan masyarakat tempatan kerana dianggap sebagai buruh paksa kepada Belanda (CAB 84/84/10, 23 August 1946).

Di samping itu, dasar Belanda turut memperlihatkan masyarakat tempatan dipinggirkan dalam sektor pendidikan dan kemajuan sosial. Perkara ini menimbulkan rasa tidak puas hati yang meluas dalam kalangan masyarakat tempatan. Penubuhan sekolah dan pendidikan tinggi di Indonesia, seperti Sekolah Anak Eropah (ELS), Sekolah Anak Priyayi/Bangsawan (HIS) hanya untuk golongan tertentu, terutamanya keluarga diraja dan golongan elit negara ini. Masyarakat tempatan pula hanya diberi pendidikan secara tidak formal melalui sekolah pondok yang diusahakan oleh secara sendiri (Saputro, 2021). Justeru, ketidakadilan terhadap pembangunan sosial ini memperlihatkan dasar yang dilaksanakan oleh pentadbiran Belanda menimbulkan perasaan tidak puas hati yang meluas dalam kalangan masyarakat tempatan.

Ketidakadilan terhadap dasar ekonomi dan sosial ini seterusnya mencetuskan perasaan nasionalisme yang mendalam dan menjadi asas kepada perjuangan kemerdekaan dalam kalangan masyarakat di Indonesia. Oleh demikian, semangat nasionalisme ini berjaya digerakkan kesan dari pendudukan Jepun dalam tempoh 1942-1945 (Weber, 2020). Perkara ini menjadi faktor yang mencetuskan RNI pada 1945-1946. Pendudukan Jepun semasa Perang Dunia Kedua membawa perubahan besar terhadap politik Indonesia. Walaupun Jepun merupakan kuasa penjajah yang tegas, namun pentadbiran mereka memperlihatkan perbezaan dengan Belanda. Pentadbiran Jepun lebih terbuka dan memberi ruang yang tidak pernah diberi oleh Belanda terhadap masyarakat tempatan iaitu membenarkan pembentukan organisasi politik seperti PUTERA, Badan Penyelidik Usaha-Usaha Persiapan Kemerdekaan (BPUPKI) dan Panitia Persiapan Kemerdekaan Indonesia (PPKI) untuk aktif terhadap gerakan politik masyarakat tempatan (Weber, 2020).

Selain itu, pentadbiran Jepun merekrut pemimpin politik tempatan seperti Sukarno dan Hatta dalam pentadbiran mereka. Sukarno misalnya diserapkan dalam bahagian propaganda Jepun di Indonesia dan berperanan menyebarkan Kempen 3A iaitu Jepun Pelindung Asia, Pemimpin Asia dan Cahaya Asia. (Rizala et al., 2025). Situasi ini secara tidak langsung memberi latihan kepada pemimpin nasionalis tempatan mengenai pentadbiran negara. Di samping itu, Jepun menubuhkan pasukan tentera tempatan seperti PETA dan *Heiho* (tentera simpanan terdiri dari masyarakat tempatan) yang kemudiannya menjadi tulang belakang kepada perjuangan bersenjata Indonesia (Rizala et al., 2025). Oleh demikian, tindakan yang dilakukan oleh Jepun telah membangkitkan kesedaran politik dan semangat kebangsaan dalam kalangan rakyat.

Selanjutnya, revolusi yang berlaku ini memperlihatkan tindakan yang dilakukan oleh masyarakat tempatan. Antara tindakan paling menonjol masyarakat tempatan ialah penyertaan masyarakat dalam perjuangan bersenjata menentang tentera Belanda dan Pentadbiran Awam Hindia Belanda (NICA/*Netherlands Indies Civil Administration*). Kebanyakan kumpulan gerakan bersenjata ini disertai oleh golongan muda di Indonesia (Huff, 2020). Semasa RNI berlaku, masyarakat tempatan menubuhkan Tentara Keamanan Rakyat (TKR) sebagai tentera khas untuk Indonesia. Pada peringkat awal, TKR mendapat bantuan senjata yang ditinggalkan oleh pihak Jepun. Selain itu, mereka juga membentuk kumpulan pejuang gerila di desa dan kota untuk menyerang kedudukan musuh. Bekas anggota pasukan PETA dan *Heiho* (tentera latihan Jepun) juga memainkan peranan penting dalam memberikan kepakaran ketenteraan (Huff, 2020).


Selain itu, golongan pencetus revolusi atau dikenali dengan *revolusioner* ini mendapat sokongan daripada masyarakat tempatan yang lain. Masyarakat tempatan yang tidak terlibat secara langsung dalam pertempuran turut menyumbang melalui sokongan logistik. Mereka menyediakan makanan, ubat-ubatan, tempat perlindungan dan maklumat kepada para pejuang (Fogg, 2020). Para petani, suri rumah dan peniaga membantu dengan sumber yang mereka ada. Golongan wanita juga tidak ketinggalan, memainkan peranan penting dalam gerakan bawah tanah dan sebagai penghantar maklumat (Fogg, 2020). Tindakan ini bukan sahaja menunjukkan semangat patriotik dan kesatuan rakyat dalam memperjuangkan kemerdekaan Indonesia, malah membuktikan kerjasama yang berlaku antara masyarakat.

Tindakan masyarakat tempatan terhadap RNI turut melibatkan penyebaran propaganda dan gerakan sosial. Perkara ini bukan sahaja menunjukkan perjuangan kemerdekaan di Indonesia turut dilakukan oleh masyarakat awam. Kebanyakan tindakan yang dilakukan oleh masyarakat awam ini lebih kepada penyebaran semangat nasionalisme melalui gerakan sosial dan propaganda (Warburton, 2023). Pelajar, guru dan golongan cendekiawan menganjurkan perhimpunan, ceramah dan penerbitan risalah bagi menyebarkan maklumat tentang perjuangan kemerdekaan di negara tersebut. Selain itu, radio dan surat khabar menjadi alat penting dalam menyebarkan kesedaran masyarakat (Warburton, 2023). Misalnya akhbar *Soera Asia* memuatkan isu mengenai kepentingan kemerdekaan negara dicapai (Warburton, 2023). Perkara ini secara tidak langsung membantu meningkatkan kesedaran dalam kalangan masyarakat, sekali gus membolehkan perjuangan RNI disokong oleh segenap lapisan masyarakat (Warburton, 2023).

Tindakan yang dilakukan oleh masyarakat tempatan ini secara tidak langsung membuktikan mereka secara tegas menolak cubaan Belanda untuk kembali menjajah melalui penglibatan dalam RNI sama ada secara langsung atau tidak langsung. Masyarakat tempatan melakukan tindakan protes, boikot dan penentangan terhadap Belanda secara terbuka. Di beberapa tempat, masyarakat tempatan menolak kerjasama dengan pentadbiran NICA. Mereka menganggap kemerdekaan 17 Ogos 1945 sebagai sah dan muktamad dan sebarang cubaan untuk menafikan kemerdekaan tersebut dianggap sebagai bentuk penjajahan semula (CAB 84/84/10, 23 August 1946). Tindakan ini membuktikan masyarakat tempatan di Indonesia mempunyai kesedaran politik yang tinggi. Perkara ini membantu keberkesanan perjuangan yang dilakukan oleh RNI pada peringkat awal.

Hasrat Belanda untuk menjajah semula Indonesia mendapat tentangan hebat daripada rakyat Indonesia yang berazam mempertahankan kemerdekaan. Dalam tempoh RNI berlangsung pada 1945–1949, Belanda mengambil pelbagai tindakan ketenteraan, politik dan diplomatik bagi mengekang gerakan tersebut. Tindakan Belanda tersebut mencetuskan konflik bersenjata dan perlawanan hebat dengan rakyat Indonesia. Antara tindakan yang dilakukan oleh Belanda pada peringkat awal adalah menubuhkan NICA. Selepas Jepun menyerah kalah pada Ogos 1945, Belanda mengambil langkah awal untuk kembali ke Indonesia dengan menubuhkan NICA. Pentadbiran NICA mendapat kerjasama dari British di beberapa wilayah di Indonesia bagi mengambil alih kuasa daripada Jepun (FO 371/76115, 16 July 1949). Tujuan NICA ialah untuk mengembalikan pemerintahan Belanda selepas pendudukan Jepun. Namun, kehadiran mereka ditolak oleh rakyat dan kerajaan Indonesia yang baru dibentuk, sekali gus mencetuskan konflik awal di banyak kawasan seperti Surabaya dan Medan (FO 371/76115, 16 July 1949).

Rajah 1 Situasi Konflik Tentera Belanda dan Masyarakat Tempatan di Surabaya



Sumber: FO 371/76165, Arms embargo on Indonesia. Supply of arms, equipment, aircraft, etc, to the Dutch authorities, 26 April 1949.

Selain itu, tindakan Belanda terhadap RNI turut melibatkan operasi ketenteraan. Tindakan tersebut melibatkan operasi ketenteraan utama yang digelar dengan '*Politionele Acties*' atau 'Tindakan Polis'. Operasi ini dilaksanakan secara tersusun oleh tentera Belanda melalui dua peringkat. Pada peringkat pertama, tentera Belanda melaksanakan operasi '*Dutch Military Agression I*' pada Julai 1947. Pada operasi ini, tentera Belanda menyerang wilayah-wilayah republik Indonesia dengan alasan memulihkan keamanan (FO 371/76149, 19 September 1949). Mereka berjaya menawan beberapa kawasan penting seperti Jawa Tengah dan Sumatera (FO 371/76149, 19 September 1949). Pada operasi tentera peringkat seterusnya iaitu, '*Dutch Military Agression II*' pada Disember 1948, tentera Belanda menyerang Yogyakarta dan menangkap pemimpin-pemimpin utama republik termasuk Soekarno dan Hatta (FO 371/76149). Belanda menyatakan tindakan ini sebagai operasi ketenteraan untuk mengatasi kekacauan. Ketua Tentera di Hindia Belanda, Simon Hendrik Spoor menyatakan, tentera Belanda perlu bertindak tegas kerana segelintir pemimpin tempatan telah menghasut masyarakat tempatan sehingga mencetuskan konflik yang besar dengan tentera (FO 371/76149, 29 September 1949). Walaupun begitu, masyarakat tempatan melihat tindakan tersebut adalah serangan dari penjajah untuk menghapuskan kerajaan Republik Indonesia (Kahin, 2018).

Secara asasnya, RNI merupakan titik tolak penting dalam sejarah negara tersebut. Gerakan ini membuktikan perjuangan rakyat Indonesia untuk mempertahankan kemerdekaan yang diisytiharkan pada 17 Ogos 1945 daripada penjajahan semula oleh Belanda. Perjuangan selama empat tahun ini bukan sahaja melibatkan pertempuran bersenjata, tetapi juga rundingan diplomatik yang mencabar. Revolusi ini meninggalkan kesan yang besar terhadap politik, sosial, ekonomi, serta hubungan antarabangsa Indonesia. Kesan paling utama daripada revolusi ini ialah pengiktirafan rasmi terhadap kemerdekaan Indonesia oleh Belanda melalui Konferensi Meja Bundar (KMB) pada Disember 1949 (FO 371/76149, 27 December 1949). Belanda akhirnya bersetuju menyerahkan kedaulatan kepada Republik Negara Indonesia, yang merupakan bentuk peralihan kepada negara Indonesia moden. Revolusi ini secara tidak langsung mengukuhkan kedudukan republik sebagai kerajaan yang sah dan meletakkan asas kepada sistem politik pasca-kemerdekaan. Kejayaan Indonesia mempertahankan kemerdekaan melalui perjuangan revolusi memberi inspirasi kepada negara-negara lain yang masih dijajah, khususnya negara

di Asia Tenggara seperti Tanah Melayu. Revolusi ini menjadi simbol kejayaan gerakan anti-kolonialisme di dunia.

Pengaruh Revolusi Nasional Indonesia Terhadap Kesedaran Nasionalisme di Tanah Melayu

RNI merupakan sejarah penting yang memaparkan kesedaran nasionalisme melalui tindakan rakyat Indonesia bangkit menentang penjajahan Belanda dan menuntut kemerdekaan mutlak. Peristiwa ini berlaku dalam tempoh masyarakat di Tanah Melayu bergelut dengan penjajahan British. Walaupun pendekatan dan konteks perjuangan berbeza, namun RNI meninggalkan kesan mendalam terhadap perkembangan politik di Tanah Melayu (Keo, 2025). Antara pengaruh revolusi tersebut dalam membangkitkan semangat nasionalisme di Tanah Melayu merangkumi inspirasi ideologi dan semangat anti-penjajah, kebangkitan gerakan radikal dan golongan kiri di Tanah Melayu, perubahan strategi politik serta peranan meluas oleh media cetak sebagai medium kesedaran nasionalisme.

Kejayaan rakyat Indonesia mengisytiharkan kemerdekaan pada 17 Ogos 1945, walaupun menghadapi tekanan ketenteraan Belanda, memberikan isyarat kepada Tanah Melayu bahawa penjajahan boleh ditamatkan melalui perpaduan dan keberanian rakyat. Ideologi nasionalisme yang diterajui oleh tokoh seperti Sukarno dan Hatta memberikan inspirasi kepada pemimpin Tanah Melayu untuk melihat kemerdekaan sebagai satu realiti yang boleh dicapai. Parti politik di Tanah Melayu, terutamanya haluan kiri seperti Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) menzahirkan semangat ini dengan menyeru penyatuan Melayu Nusantara dan menolak bentuk penjajahan baharu (Keo, 2025). PKMM dan pemimpin utamanya, Mokhtaruddin Lasso, Dr. Burhanuddin al-Helmi, Ahmad Boestamam dan Katijah Ali digelar dengan golongan kiri kerana tidak sependapat dengan British (CO 537/3754, 28 May 1947). Berbeza dengan UMNO, walaupun tidak sependapat dengan British, namun pemimpin parti tersebut, seperti Dato' Onn, Tunku Abdul Rahman dan Tun Abdul Razak bekerjasama dengan British dan digelar sebagai parti haluan kanan (CO 537/3754, 28 May 1947).

Pasca RNI turut memperlihatkan slogan utama revolusioner seperti 'Merdeka dengan darah dan air mata' yang sering dilaungkan oleh pemimpin nasionalis Indonesia, iaitu Sukarno memberi kesan kepada retorik politik terhadap pejuang kemerdekaan di Tanah Melayu seperti Dr. Burhanuddin al-Helmi, Dato' Onn dan Ibrahim Yaacob. Mereka mula bertanggapan, kemerdekaan negara harus diperjuangkan melalui darah (Tjin, 2025). Misalnya Ibrahim Yaakob, pemimpin Kesatuan Melayu Muda (KMM) menyatakan sekiranya British berkeras untuk terus menjajah Tanah Melayu, masyarakat tempatan harus memerangi penjajah tersebut dengan lebih keras (CO 537/3754, 19 June 1948).

Selain itu, pemimpin politik haluan kiri di Tanah Melayu seperti Dr. Burhanuddin al-Helmi dan Ahmad Boestamam, seolah-olah mendapat suntikan semangat baharu dalam perjuangan menuntut kemerdekaan dari British. Perkara ini dapat dilihat melalui strategi yang direncanakan oleh pemimpin tersebut. Misalnya Ahmad Boestamam, beliau menubuhkan sebuah gerakan politik baharu iaitu API pada 1946. Persatuan ini terdiri dari golongan pemuda masyarakat Melayu dan menolak konsep *self-government* yang didakwa hanya melambatkan proses kemerdekaan Tanah Melayu (CO 537/3755, 20 May 1948). Dr. Burhanuddin pula menyertai dan mengetuai PKMM. Beliau menjadi tokoh penting dalam PKMM, parti yang memperjuangkan kemerdekaan penuh, menolak kerjasama dengan British. Perkara ini secara tidak langsung memperlihatkan pengaruh RNI yang membolehkan Indonesia mencapai kemerdekaan menyemarakkan lagi sikap dan kesedaran masyarakat Melayu mengenai perjuangan nasionalisme (Keo, 2025). Justeru, semangat kebangsaan yang semakin menular pada penghujung 1940-an ini merupakan rentetan dari pengaruh RNI yang turut mendapat sambutan dalam kalangan pemimpin politik di Tanah Melayu.

RNI bukan sahaja menjadi lambang kemerdekaan Indonesia, malah menunjukkan keberkesanan perjuangan radikal. Perkara ini mendorong pertumbuhan pesat gerakan politik baharu yang lebih bersifat radikal di Tanah Melayu. Organisasi seperti API, AWAS dan Barisan Tani Malaya (BATAS) yang ditubuhkan pasca Perang Dunia Kedua merupakan pengaruh dari perjuangan golongan revolusioner di Indonesia (Tjin, 2025). Gerakan tersebut melakukan pendekatan yang sama dan mendapat pengaruh dari tindakan oleh Sukarno dan Hatta dari segi strategi perjuangan. Antara tindakan yang dilakukan adalah pidato umum dan penerbitan risalah sebagai alat perjuangan. Ramai pemimpin gerakan kiri seperti Dr. Burhanuddin al-Helmi, Ahmad Boestamam dan Ishak Haji Muhammad (Pak Sako) menyatakan kekaguman secara terbuka terhadap perjuangan kemerdekaan yang dilakukan oleh rakyat Indonesia (CO 537/7294, 19 June 1951). Malah, sebahagian daripada mereka menjalin hubungan

peribadi dan politik dengan pemimpin Indonesia, termasuk lawatan ke Jakarta untuk berjumpa dengan tokoh seperti Tan Malaka dan Sukarno. Misalnya Ibrahim Yaacob dan Dr. Burhanuddin bertemu dengan Sukarno secara peribadi di Taiping pada 13 Ogos 1945 dan membentuk kerjasama politik antara masyarakat Melayu (WO 203/5302, 18 February 1946). Tindakan yang dilakukan oleh pejuang kemerdekaan ini membuktikan pengaruh RNI terhadap perjuangan politik yang digerakkan oleh golongan nasionalis di Tanah Melayu.

RNI menunjukkan bahawa perjuangan kemerdekaan bukan hanya dimiliki dan diperjuangkan oleh golongan elit, tetapi melibatkan kesemua lapisan masyarakat. Perkara ini menyebabkan parti politik di Tanah Melayu mula mengubah pendekatan mereka. Daripada tumpuan kepada rundingan dan penyampaian memorandum kepada pentadbiran British, mereka mula melibatkan rakyat biasa melalui pendidikan politik, ceramah akar umbi dan mobilisasi massa. Perkara ini dapat dilihat pada strategi politik yang diaturkan oleh UMNO. Pada peringkat awal, pemimpin parti tersebut melakukan rundingan dengan British bagi mendapatkan kemerdekaan Tanah Melayu (CO 537/4790, 23 Mac 1949). Namun strategi UMNO berubah setelah golongan nasionalis Indonesia berjaya memperoleh kemerdekaan pada 1945. Perkara ini dapat dilihat pada tindakan yang dilakukan oleh Pemuda UMNO dan Wanita UMNO. Kedua-dua bahagian parti ini aktif dalam menyedarkan masyarakat tempatan seperti petani dan buruh mengenai hak mereka sebagai kaum peribumi dan warganegara Tanah Melayu. Semangat ini jelas kelihatan dalam kegiatan persatuan seperti gerakan buruh, kesatuan sekerja dan usaha menyatukan pelbagai etnik dalam menentang penjajahan British berdasarkan kepada pengaruh dari perjuangan RNI (CO 1030/312, 19 May 1955).

Di samping itu, pengaruh RNI terhadap kebangkitan nasionalisme Tanah Melayu turut dilihat pada peranan media massa. Antara aspek penting yang menentukan kejayaan RNI ialah penggunaan media massa sebagai sokongan terhadap perjuangan. Akhbar seperti *Harian Rakyat* dan risalah revolusi ini turut menembusi sempadan ke Tanah Melayu dan dibaca oleh aktivis tempatan (CO 537/1527, 28 June 1946). Justeru, golongan kiri dan pejuang kemerdekaan Tanah Melayu menggunakan sepenuhnya ruang yang ada pada media massa bagi menyampaikan kesedaran terhadap masyarakat tempatan. Penerbitan akhbar seperti *Suara Rakyat*, *Utusan Melayu* dan *Majalah Kenchana* turut menyiarkan berita tentang perjuangan dan kemerdekaan yang berjaya dicapai oleh Indonesia, sekaligus membangkitkan kesedaran dalam kalangan masyarakat di Tanah Melayu (FO 371/53655, 4 July 1946).

Pasca kemerdekaan Indonesia memperlihatkan akhbar-akhbar tersebut mula mengetengahkan isu rakyat yang melibatkan kemerdekaan Tanah Melayu. Misalnya akhbar *Utusan Melayu*, mula menyiarkan rencana seperti kepentingan kemerdekaan yang dicapai terhadap masyarakat Melayu, manakala akhbar *Suara Rakyat* memberi penekanan terhadap aspek seruan kepada masyarakat tempatan, terutamanya masyarakat Melayu supaya bertindak secara sistematik dalam memperjuangkan kemerdekaan untuk Tanah Melayu (CO 537/4788, 26 August 1949). Isu yang diutarakan ini secara tidak langsung memperlihatkan desakan ke arah kemerdekaan Tanah Melayu ditonjolkan melalui akhbar. Kesan langsung perkara tersebut adalah menyebarkan pengaruh ideologi anti-imperialis secara meluas dalam kalangan rakyat Tanah Melayu, termasuk dalam kalangan kaum bukan Melayu, yang menyaksikan semangat solidariti serantau yang lebih luas terhadap penjajahan kolonial barat (CO 537/4788, 16 July 1949).

Tindakan British terhadap Perjuangan Nasionalisme di Tanah Melayu

Perjuangan nasionalisme di Tanah Melayu semakin berkembang pasca pendudukan Jepun. Gerakan nasionalisme di Tanah Melayu berjuang untuk menuntut kemerdekaan daripada penjajahan British dan menegaskan maruah bangsa serta hak peribumi masyarakat Melayu (Soda, 2020). Namun begitu, British sebagai kuasa penjajah melihat perkembangan nasionalisme ini sebagai ancaman kepada kestabilan politik dan kepentingan ekonomi mereka di Tanah Melayu. Oleh hal demikian, pelbagai tindakan telah diambil oleh British untuk mengekang, mengawal dan memanipulasi gerakan nasionalisme demi mengekalkan pentadbiran kolonial di Tanah Melayu (Hollen, 2017).

Antara tindakan utama British ialah menindas gerakan nasionalisme yang dianggap radikal atau berhaluan kiri. Gerakan seperti KMM, PKMM, API dan AWAS memperjuangkan kemerdekaan penuh dan menolak kerjasama dengan penjajah. British bertindak mengharamkan organisasi ini selepas Perang Dunia Kedua. Pesuruhjaya Tinggi Tanah Melayu, Edwards Gent, menyatakan golongan kiri menghasut masyarakat Melayu untuk melawan British disebabkan oleh kepentingan politik gerakan

tersebut (CO 537/4788, 23 September 1949). Beliau menyatakan perjuangan PKMM lebih tertumpu kepada kelangsungan politik pertubuhan tersebut berbanding membantu masyarakat tempatan (CO 537/4788, 23 September 1949).

Justeru, British menyatakan perjuangan PKMM dan Parti Komunis Malaya perlu disekat bagi mengelakkan konflik berdarah berlaku di Tanah Melayu. Tindakan British ini dapat dilihat apabila pemimpin utama gerakan kiri seperti Ahmad Boestamam, Dr. Burhanuddin dan Pak Sako ditahan tanpa bicara dan dihalang daripada bergiat aktif terhadap politik di Tanah Melayu (CO 537/3746, 16 Mac 1948). Edward Gent menyatakan pemimpin gerakan kiri ini ditangkap bagi mengelakkan konflik berlaku lebih teruk. Beliau turut menyatakan tangkapan ini dibuat berdasarkan maklumat yang diperoleh British iaitu pemimpin golongan kiri mendapat kerjasama dari komunis antarabangsa (CO 537/3747, 5 June 1948). British melihat perkara tersebut akan menggugat kedudukan mereka di Tanah Melayu. Walaupun begitu, perkara ini dinafikan oleh PKMM. Ketua Hubungan Wanita PKMM, Katijah Ali menyatakan tindakan British bertujuan menyekat perjuangan menuntut kemerdekaan yang dilaksanakan oleh kepimpinan parti itu (WO 203/3994, 18 October 1946). Justeru, PKMM menyatakan tindakan British tersebut bertujuan untuk melumpuhkan ‘suara’ nasionalisme yang lantang dan menggugat dominasi kuasa kolonial tersebut di Tanah Melayu (WO 203/3994, 18 October 1946).

Selain itu, British turut menggunakan peruntukan undang-undang bagi menyekat kebangkitan nasionalisme di Tanah Melayu. Antara tindakan undang-undang yang dilaksanakan oleh British adalah menguatkuasakan Akta Darurat 1948. Perkara ini diisytiharkan oleh Gent pada 17 Jun 1948 dan berkuatkuasa di seluruh Tanah Melayu bermula dari tempoh tersebut (CO 537/5068, 18 June 1948). Beliau menyatakan, pengisytiharaan darurat tersebut dibuat bagi mengawal tindakan yang dilakukan oleh komunis (CO 537/5068, 18 June 1948). Walaupun begitu, akta darurat ini turut dilaksanakan bagi mengawal kumpulan radikal yang lain, terutamanya golongan kiri.

Tindakan British melaksanakan Darurat di Tanah Melayu ini mula dicadangkan pada awal 1947. Gent menyatakan kebangkitan masyarakat Melayu menentang British dan memboikot majlis pengisytiharaan Malayan Union jelas membuktikan berlakunya konflik sebsra besar-besaran di Tanah Melayu (CO 875/495, 19 April 1948). Situasi tersebut menjadi ancaman terhadap pegawai British yang menjalankan tugas, sekali gus menggugat keamanan di Tanah Melayu (CO 875/495, 16 July 1948). Pengisytiharan Darurat pada 1948 memberi kuasa penuh kepada British untuk menahan individu yang disyaki terlibat dalam aktiviti yang dianggap radikal dan subversif (CO 537/2793, 7 September 1948). Undang-undang seperti Ordinan Darurat digunakan untuk menangkap aktivis politik, melarang penerbitan bahan bercetak yang dianggap menghasut dan membubarkan pertubuhan politik. Walaupun alasan rasmi tindakan ini ialah untuk mengekang ancaman komunis, namun British turut menyasarkan gerakan nasionalisme, khususnya yang berhaluan kiri (CO 537/2793, 7 September 1948).

Di samping itu, tindakan British dalam mengekang perjuangan kemerdekaan di Tanah Melayu turut melibatkan pendekatan manipulasi politik untuk melemahkan perpaduan dalam kalangan nasionalis. British menyokong UMNO yang bersifat konservatif dan pro-kerajaan, sebagai alternatif kepada kumpulan nasionalis haluan kiri yang lebih radikal (CO 1022/183, 23 April 1953). British memberikan pengiktirafan politik kepada UMNO dan menjadikannya saluran utama dalam proses perundingan menuju kemerdekaan (CO 1022/183, 23 April 1952). Sebaliknya, gabungan PUTERA-All-Malaya Council of Joint Action (AMCJA) yang memperjuangkan kemerdekaan melalui cadangan Perlembagaan Rakyat ditolak dan tidak diberi peluang untuk menyertai rundingan rasmi (DO 35/9922, 17 June 1955).

Strategi ‘pecah dan perintah’ oleh British tersebut berjaya memecahkan kesatuan gerakan nasionalisme di Tanah Melayu dan memastikan hanya kumpulan yang bersedia bekerjasama dengan British diberi ruang untuk aktif dalam politik sepenuhnya (FCO 141/7459, 16 April 1955). Tambahan pula, British menjalin kerjasama dengan pemimpin nasionalis yang moderat dan sanggup berunding secara damai. Tokoh seperti Tunku Abdul Rahman dari UMNO dianggap sebagai rakan yang boleh dipercayai kerana bersikap pragmatik dan tidak menentang British secara terbuka (FO 371/152563, 18 December 1959). British memberi ruang kepada Tunku Abdul Rahman dan Perikatan (UMNO-MCA-MIC) untuk menyertai pilihan raya dan akhirnya memimpin rundingan kemerdekaan (FO 371/152563, 18 December 1959). Melalui pendekatan ini, British berjaya memastikan peralihan kuasa berlaku secara aman, tanpa ancaman kepada kepentingan mereka dalam bidang ekonomi dan ketenteraan. Kemerdekaan yang dicapai pada tahun 1957 merupakan hasil kompromi antara nasionalisme moderat dan strategi kolonial British (Abdillah, 2024).

Di samping itu, tindakan British dalam usaha menyekat kebangkitan perjuangan nasionalisme di Tanah Melayu turut melibatkan kawalan terhadap media. Tindakan ini merupakan sebahagian daripada strategi British untuk mengekang kebangkitan nasionalisme, mengekalkan ketenteraman awam menurut tafsiran mereka serta melindungi kepentingan ekonomi penjajah yang terdapat di Tanah Melayu (FCO 141/7306, 14 June 1956). Justeru, tindakan British terhadap media cetak tidak boleh dipisahkan daripada agenda politik mereka untuk terus mengukuhkan dominasi terhadap politik Tanah Melayu (FCO 141/7306, 14 June 1954).

Antara tindakan British dalam mengawal media cetak ialah melalui pengenalan undang-undang yang ketat. Undang-undang seperti *Printing Presses and Publications Ordinance 1948* mewajibkan semua penerbit dan percetakan untuk memiliki lesen yang diberikan oleh kerajaan (CO 1030/716, 8 Mac 1957). Lesen ini boleh digantung atau ditarik balik pada bila-bila masa tanpa keperluan memberi penjelasan. Perkara tersebut memberi kuasa yang amat luas kepada pemerintah British untuk menyekat penerbitan yang dianggap subversif atau mengancam kestabilan pentadbiran mereka (FO 953/755, 18 May 1950). Undang-undang ini bukan sahaja menyekat kebebasan bersuara, malah memberikan British kawalan penuh terhadap saluran maklumat yang sampai kepada rakyat (FO 953/755, 18 May 1950).

Selain itu, British memperkenalkan *Sedition Ordinance 1948*, sebuah undang-undang hasutan yang memberi ruang kepada kerajaan untuk mendakwa sesiapa yang menerbitkan tulisan yang dianggap menghasut atau menggugat ketenteraman awam (DO 35/9598, 7 September 1958). Perkara-perkara yang sensitif seperti kedudukan raja-raja Melayu, isu perkauman dan kedudukan istimewa orang Melayu sering dijadikan alasan untuk menyekat bahan penerbitan yang tidak sehaluan dengan dasar British (FCO 141/15163, 27 May 1954). Undang-undang ini digunakan secara selektif bagi membungkam suara-suara nasionalis dan golongan kiri yang semakin lantang menyuarakan kemerdekaan (FCO 141/15163, 27 May 1954).

Tindakan kawalan ini juga melibatkan penapisan terhadap akhbar dan majalah yang dianggap radikal dari golongan kiri atau pro-komunis. Misalnya, penerbitan seperti *Utusan Melayu*, *Warta Malaya* dan *Majlis* sering menjadi sasaran pengawasan ketat oleh pihak kolonial. Sebarang tulisan yang bersifat anti-penjajah, menyokong perjuangan kemerdekaan atau membangkitkan kesedaran politik dalam kalangan rakyat akan ditapis, digantung atau dibatalkan lesen penerbitannya (CO 1030/308, 17 June 1955). Perkara ini memperlihatkan tindakan British berusaha membendung penyebaran ideologi yang boleh mencetuskan kesedaran politik dan semangat perjuangan rakyat (FCO 141/7369, 10 August 1956). Selain daripada sekatan terhadap kandungan, British juga mengawal akses kepada bahan cetakan dari luar negara, terutamanya dari Indonesia dan China, yang dilihat membawa pengaruh revolusioner. Penerbitan seperti akhbar-akhbar Indonesia yang pro-kemerdekaan, serta tulisan-tulisan sosialis atau komunis, diharamkan daripada diedarkan di Tanah Melayu (CO 537/7294, 24 Mac 1951). Tindakan ini mencerminkan kebimbangan British terhadap pengaruh luar yang boleh merangsang gerakan nasionalisme tempatan.

Secara asasnya, tindakan British terhadap perjuangan nasionalisme di Tanah Melayu dilakukan secara menyeluruh dan tersusun sebagai usaha untuk mengekang penularan ideologi tersebut. British bukan sahaja menggunakan kekerasan dan undang-undang, tetapi juga strategi politik dan propaganda untuk mengawal gerakan nasionalisme. Walaupun gerakan nasionalis mengalami tekanan yang hebat, namun semangat perjuangan rakyat tidak pernah padam. Akhirnya, perjuangan nasionalisme berjaya membawa kesedaran terhadap rakyat mengenai definisi kemerdekaan. Perkara ini seterusnya membawa kepada kemerdekaan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957.

KESIMPULAN

RNI yang berlaku pada 1945-1946 memberikan pengaruh yang mendalam terhadap landskap politik Tanah Melayu, terutamanya dalam mempercepatkan pembentukan pendekatan politik yang bersifat konservatif dan berteraskan kestabilan institusi tradisional. Ketakutan penjajah British terhadap kebangkitan radikalisme dan penolakan pentadbiran kolonial mendorong mereka untuk mengawal kebangkitan nasionalisme di Tanah Melayu dan menjalin kerjasama erat dengan golongan elit tempatan. Perkara tersebut secara langsung membentuk arah tuju politik Tanah Melayu pasca-1946 yang lebih berhati-hati terhadap ideologi kiri dan memberi laluan kepada pembinaan sebuah sistem politik yang

berteraskan gabungan antara tradisi, pragmatisme kolonial, dan nasionalisme Melayu konservatif. Oleh demikian RNI tersebut bukan sahaja menjadi amaran kepada British, tetapi juga pemangkin kepada pembentukan struktur politik moden Tanah Melayu yang unik dan berbeza daripada tindakan kemerdekaan yang dicapai di Indonesia walaupun mendapat pengaruh dari negara tersebut.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam kegiatan ini secara langsung mahupun tidak langsung.

Konflik Kepentingan: Tiada konflik kepentingan dalam kajian ini.

RUJUKAN

- Abdillah Noh. (2024). *Malaysia's State Formation Small Steps and Large Outcomes of a Contested Leviathan*. New York: Routledge Inc.
- Armand Azra Azlira. (2023). Producing the subaltern Epistemic violence against the Malay left, c.1945–1957, *Journal Indonesia and The Malay World*, Vol. 51, (151), 2023.
- Bemmelen, S. (2017). *Christianity, Colonization, and Gender Relations in North Sumatra: A Patrilineal Society in Flux*. New York: Routledge Inc.
- CAB 84/84/10. (1946). Supplies to the Dutch in Indonesia.
- CO 537/1527. (1946). Malaya: Political Reports.
- CO 537/2793. (1948). Review of Colonial police and security forces in relation to Communist infiltration: Malaya.
- CO 537/3746. (1948). Federation of Malaya and Singapore: Political Developments.
- CO 537/3747. (1948). Federation of Malaya and Singapore: Political Developments; miscellaneous correspondence.
- CO 537/3754. (1947). Malaya: Political Intelligence Journals.
- CO 537/3755. (1948). Malaya: Political Developments; monthly summaries.
- CO 537/4785. (1949). Political Developments: Proposed national service for Malays.
- CO 537/4788. (1949). Political Developments: Attitude toward foreign political parties.
- CO 537/4790. (1948). Political Developments: Influence of Dato Onn and UMNO in Malayan politics.
- CO 537/5068. (1948). Overseas Defence Committee: paper by Federation of Malaya on organisational lessons of the Emergency 1948.
- CO 537/7294. (1951). Political Developments: Indonesian Influence in the Malay peninsular.
- CO 875/495. (1948). Malaya (Malaysia): History of the Emergency, June 1948-June 1954.
- CO 1022/183. (1952). Constitution and functions of the 'United Malays National Organisation. (UMNO).
- CO 1030/308. (1955). Independence of Malaya Movement.
- CO 1030/312. (1954). United Malay National Organisation (UMNO) and Malayan Chinese Association (MCA) Alliance.
- CO 1030/716. (1957). Publicity and propaganda in Federation of Malaya and Singapore.
- DO 35/9598. (1958). UK Information Services: possible need for licence of exemption for UKIS publications under Federation Printing Press Ordinance (1948) (Malaya).
- DO 35/9922. (1955). United Malay National Organisation.
- Doolan, P. M. (2021). *Collective Memory and the Dutch East Indies: Unremembering Decolonization*. Amsterdam: Amsterdam University Press.
- FCO 141/7306. (1954). Malaya: Monthly political intelligence reports.
- FCO 141/7369. (1956). Malaya: Political affairs in Thailand.
- FCO 141/7459. (1955). Malaya: miscellaneous political reports.
- FCO 141/15163. (1954). Singapore: 'Fajar' (publication of the University of Malaya Socialist Club); prosecutions for sedition.
- FO 371/53655. (1946). Suspension of three Chinese newspapers in Malaya.
- FO 371/76115. (1949). Views on the Dutch Police Action in Indonesia.
- FO 371/76149. (1949). Security Council discussions and resolutions regarding Dutch action in Indonesia.
- FO 371/76165. (1949). Arms embargo on Indonesia: Supply of arms, equipment, aircraft, etc, to the Dutch authorities.
- FO 371/152563. (1959). Political relations with Malaya.
- FO 953/755. (1950). Digest of English Malay Chinese and Tamil newspapers circulating in Malaya.

- Fogg, K. W. (2020). *Indonesia's Islamic Revolution*. London: Cambridge University Press.
- Huff, G. (2020). *World War II and Southeast Asia Economy and Society Under Japanese*. London: Cambridge University Press.
- Kahin, G. (2018). *Nationalism and Revolution in Indonesia*. New York: Cornell University Press.
- Keo, B. Z. (2025). *Imagining Malaya: Peranakan Cosmopolitanism, Nationalism, and Belonging at the End of Empire, 1945–1957*. London: Oxford University Press.
- Kingston, J. (2017). *Nationalism in Asia A History Since 1945*. New York: Wiley Publishing.
- Lees, L. Hollen. (2017). *Planting Empire, Cultivating Subjects British Malaya, 1786-1941*. London. Cambridge University Press.
- Milner, Anthony & Wilbert W. W. Wong. (2024). Winstedt, colonialism and the Malaysian history wars, *Journal Indonesia and The Malay World*, Vol. 52, (153), 2024.
- Muhammad Asad Latif. (2024). Political struggle of Malaysia and Islam: moderating and radicalizing the state, society, and religion alternately (1957–2023). *Discover Global Society*, Volume 2, (40), (2024).
- Ranke, L. (2010). *The Theory and Practice of History*. London: Taylor & Francis.
- Rizala, A, Kusnoa, H., Buwanab, Y. & Sakti, K. (2025). Indonesian Nationalism in Suriname: the Javanese Political Movement, 1946–1954, *Cogent Art & Humanities*, Vol. 12 (1).
- Saputro, P. A. (2021). *Dinamika Sejarah Perkembangan Pendidikan di Wilayah Indonesia*. Jakarta: Penerbitan Lakeisha.
- Sahul Hamid Mohamed Maiddin. (2023). *Microphone Republic: Propaganda & Indoctrination in Guided Democracy Indonesia*. Tanjung Malim: Penerbit UPSI.
- Soda, N. (2020). *Conceptualizing the Malay World Colonialism and Pan-Malay Identity in Malaya*. Tokyo: Kyoto University Press.
- Tjin, T. P. (2025). *Nationalism and Decolonisation in Singapore: The Malayan Generation, 1953-1963*. London: Routledge Inc.
- Warburton, E. (2023). *Resource Nationalism in Indonesia: Booms, Big Business, and the State*. Cornell: Cornell University Press.
- Weber. A. (2020). *Sukarno and the idea of Indonesia: A history of Indonesian Nationalism*. London: BoD Publishers Inc.
- WO 203/3994. (1946). *Malaya: Japanese and Guerilla activities: political and economic intelligence*.
- WO 203/5302. (1945-1946). *Malaya's Political Climate, Reports*.
- Yamamoto. N. (2019). *Censorship in Colonial Indonesia, 1901–1942*. New York: Brill Publishers.